

## DASAR PRIVASI UNTUK PEKERJA

### 1 Pengenalan

Kami komited kepada perlindungan privasi maklumat peribadi yang kami kumpulkan mengenai bakal pekerja, pekerja semasa dan bekas pekerja kami ("**anda**" atau "**pekerja**") untuk tujuan pengurusan, sumber manusia dan senarai gaji.

Sebagai pekerja Hyatt (atau bakal pekerja), anda memahami dan bersetuju bahawa kami mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi anda menurut Dasar Privasi untuk Pekerja ("**Dasar**" ini).

### 2 Penggunaan Dasar ini

Dasar ini diguna pakai untuk maklumat peribadi pekerja dan untuk penggunaan maklumat peribadi itu dalam sebarang bentuk, sama ada secara lisan, elektronik dan/atau bertulis. Dasar ini diguna pakai melainkan terdapat dasar privasi negara/rantau untuk anda berdasarkan kepada kewarganegaraan/kediaman anda atau Lokasi Hyatt (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) di negara/rantau tersebut.

Dasar ini memberi efek kepada komitmen Hyatt untuk melindungi maklumat peribadi anda dan telah diterima pakai oleh semua entiti perundangan yang berasingan dan berlainan yang menguruskan, mengendalikan, menyediakan francais, memiliki dan/atau menyediakan perkhidmatan ke lokasi yang beroperasi di bawah atau berkaitan dengan jenama Hyatt®, Park Hyatt®, Miraval®, exhale®, Grand Hyatt®, Hyatt Regency®, Andaz®, Hyatt Centric®, The Unbound Collection by Hyatt®, Hyatt Place®, Hyatt House®, Hyatt Ziva™, Hyatt Zilara™ atau Hyatt Residence Club® di seluruh dunia, termasuk lokasi berjenama bebas yang bergabung dengan Hyatt (secara individu, sebuah "**Lokasi Hyatt**") dan secara kolektif, "**Lokasi-lokasi Hyatt**"). Entiti ini termasuk Hyatt Hotels Corporation, anak syarikat langsung dan tidak langsungnya, dan semua entiti perundangan yang berasingan dan berlainan yang memiliki setiap satu Lokasi Hyatt di seluruh dunia. Rujukan kepada "**Hyatt**", "**kami**" dan "**kepunyaan kami**" dalam keseluruhan Dasar ini, bergantung pada konteks, secara kolektifnya merujuk kepada entiti sah yang berasingan dan berlainan, termasuk entiti yang anda mempunyai atau mungkin mempunyai hubungan pekerjaan.

Maklumat peribadi anda akan diproses oleh entiti yang anda mempunyai atau mungkin mempunyai hubungan pekerjaan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian 4 di bawah. Maklumat peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada entiti lain yang disenaraikan di atas untuk tujuan pentadbiran sumber manusia.

Walaupun Dasar ini bertujuan untuk menggambarkan lingkungan terbesar aktiviti pemprosesan maklumat kami secara global, aktiviti pemprosesan tersebut mungkin lebih terhad di bawah beberapa bidang kuasa berdasarkan pada batasan undang-undang mereka. Contohnya, undang-undang negara tertentu mungkin mengehadkan jenis maklumat peribadi yang kami boleh kumpulkan atau cara kami memproses maklumat peribadi tersebut. Dalam keadaan tersebut, kami menyesuaikan dasar dalaman dan/atau amalan kami untuk mencerminkan keperluan undang-undang tempatan.

Apabila anda bersetuju menerima Dasar ini, anda, setakat yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan dalam sesetengah bidang kuasa, memberikan keizinan yang nyata dan bertulis kepada pemprosesan sebarang maklumat peribadi yang anda berikan kepada Hyatt

yang dianggap sebagai Maklumat Peribadi Sensitif (seperti yang diterangkan dalam Bahagian 3) atau yang dianggap sebagai maklumat kewangan.

### 3 Jenis Maklumat Peribadi yang Kami Proses

Istilah “**maklumat peribadi**” dalam Dasar ini merujuk kepada maklumat yang mengenal pasti atau boleh mengenal pasti anda sebagai seorang individu. Jenis maklumat peribadi yang kami proses (yang mungkin berbeza mengikut bidang kuasa berdasarkan undang-undang yang terpakai dan jenis jawatan dan tugas pekerja) termasuk:

- nama, jantina, butiran maklumat untuk dihubungi, tarikh lahir, imej, etnik, status perkahwinan, nombor untuk dihubungi semasa kecemasan;
- maklumat kediaman dan status permit pekerjaan, status perkhidmatan tentera, kewarganegaraan dan maklumat pasport;
- nombor keselamatan sosial atau nombor pengenalan pembayar cukai lain, butiran perbankan;
- gaji cuti sakit, pencen, insurans dan maklumat manfaat lain (termasuk maklumat jantina, umur, kewarganegaraan dan pasport untuk mana-mana pasangan, anak di bawah umur atau tanggungan dan waris lain yang layak);
- tarikh pengambilan kerja, tarikh(-tarikh) kenaikan(-kenaikan) pangkat, sejarah pekerjaan, kemahiran teknik, latar belakang pendidikan, pensijilan dan pendaftaran profesional, keupayaan bahasa, kursus latihan yang diikuti;
- tinggi, berat dan saiz pakaian, gambar, kekurangan fizikal dan keperluan khas;
- rekod ketidakhadiran di tempat kerja, kelayakan dan permintaan cuti, sejarah dan jangkaan gaji, penilaian prestasi, surat penghargaan dan pujian, penilaian pemilihan dan pembangunan, dan prosedur disiplin dan kilan (termasuk pengawasan pematuhan dan penguatkuasaan dasar Hyatt);
- di mana dibenarkan oleh undang-undang dan sepadan memandangkan fungsi yang akan dijalankan oleh pekerja atau bakal pekerja, keputusan pemeriksaan latar belakang kredit dan jenayah, keputusan ujian dadah dan alkohol, pemeriksaan, pensijilan kesihatan, nombor lesen memandu, pendaftaran kenderaan dan sejarah pemanduan;
- program kesejahteraan, (termasuk sebarang maklumat tentang pasangan, anak bawah umur atau tanggungan dan waris lain yang layak yang memilih untuk menyertai program kesejahteraan);
- maklumat yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang, permintaan dan arahan penguat kuasa undang-undang atau perintah mahkamah (*cth.* maklumat bayaran nafkah anak dan bayaran hutang);
- pengiktirafan, perjanjian mengenai dasar Hyatt, termasuk dasar etika dan/atau konflik kepentingan dan dasar penggunaan komputer dan sumber korporat yang lain;
- maklumat yang dirakamkan dalam sistem sekuriti, termasuk Televisyen Litar Tertutup (“**CCTV**”) dan sistem masuk kad berkunci serta sistem sekuriti dan

teknologi lain, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai termasuk, dalam sesetengah bidang kuasa, maklumat biometrik dan pengecaman wajah;

- mel suara, e-mel, surat-menyurat dan produk kerja serta perhubungan lain yang dihasilkan, disimpan atau dihantar oleh pekerja menggunakan komputer, rangkaian atau kelengkapan komunikasi Hyatt;
- tarikh peletakan jawatan atau pemberhentian kerja, sebab peletakan jawatan atau pemberhentian kerja, maklumat yang berkaitan dengan pentadbiran pemberhentian kerja (*cth.*, rujukan); dan
- sebarang data berkaitan lain yang diperlukan untuk mematuhi tujuan Hyatt.

Kebanyakan daripada maklumat peribadi yang kami proses ialah maklumat yang anda berikan kepada kami secara disedari. Walau bagaimanapun, ada kalanya kami memproses maklumat peribadi yang kami simpulkan tentang anda berdasarkan maklumat lain yang anda berikan kepada kami atau daripada interaksi kami dengan anda atau maklumat peribadi tentang anda yang kami terima daripada pihak ketiga (seperti ejen perekrutan atau pembekal semakan latar belakang) menggunakan proses yang kami telah jelaskan kepada anda.

Terdapat kemungkinan bahawa maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami atau yang kami kumpulkan dianggap sebagai Maklumat Peribadi Sensitif di bawah undang-undang privasi di sesetengah negara. Undang-undang tersebut mentakrifkan "**Maklumat Peribadi Sensitif**" sebagai maklumat peribadi dari mana kami dapat menentukan atau membuat inferens tentang bangsa atau asal etnik individu, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain sepertinya, keahlian kesatuan dagangan atau persatuan profesional, kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, data genetik, maklumat biometrik, dan maklumat tentang kehidupan seksual seseorang atau orientasi seksual. Dalam beberapa keadaan yang sangat jarang berlaku, rekod kewangan mungkin terangkum dalam Maklumat Peribadi Sensitif di tempat anda menetap. Kami hanya memproses Maklumat Peribadi Sensitif dalam bidang kuasa anda jika dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, semua maklumat peribadi yang kami minta daripada anda adalah wajib. Jika anda tidak memberikan dan/atau membenarkan kami memproses semua maklumat peribadi wajib seperti yang diminta, kami tidak akan dapat menyimpan maklumat lengkap mengenai anda, oleh itu menjejaskan keupayaan kami untuk menyempurnakan tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian 4 di bawah.

#### 4 **Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi**

Bergantung pada negara dan undang-undang masing-masing yang terpakai, kami mungkin mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi berkenaan pekerja untuk:

- menilai permohonan pekerjaan;
- menguruskan semua aspek perhubungan pekerjaan pekerja, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, senarai gaji, manfaat, belanja perjalanan korporat dan bayaran balik lain, pembangunan dan latihan, pengawasan ketidakhadiran, penilaian prestasi, proses disiplin dan kilanan;

- menjalankan proses pentadbiran umum, analisis dan proses berkaitan dengan sumber manusia;
- membentuk pelan tenaga kerja dan penggantian;
- mengendalikan rekod sakit dan program kesihatan pekerjaan;
- memastikan keselamatan dan perlindungan tetamu, kakitangan dan harta benda Hyatt (termasuk mengawal dan memudahkan akses serta memantau aktiviti di dalam premis yang selamat dan aktiviti menggunakan komputer, rangkaian, komunikasi dan sumber lain milik Hyatt);
- menyasat dan memberikan respons kepada dakwaan terhadap Hyatt, kakitangan dan tetamunya;
- menjalankan kaji selidik pendapat pekerja dan mentadbir program penghargaan pekerja;
- melaksanakan pemberhentian kerja serta memberi dan menyimpan maklumat rujukan;
- menyelenggarakan hubungan kecemasan dan butiran waris (yang melibatkan Hyatt menyimpan maklumat mengenai mereka yang anda namakan untuk tujuan ini); dan
- mematuhi undang-undang yang terpakai (*cth*, undang-undang kesihatan dan keselamatan), termasuk perintah kehakiman atau pihak berkuasa mengenai setiap pekerja (*cth*, garnisan atau bayaran nafkah anak).

Terdapat kamera CCTV dan alat sekuriti lain yang beroperasi di dalam dan di sekeliling Lokasi Hyatt kami, yang, bergantung pada negara dan undang-undang terpakai masing-masing, mungkin digunakan untuk tujuan berikut:

- untuk mencegah dan mengesan aktiviti jenayah;
- untuk melindungi kesihatan dan keselamatan tetamu dan kakitangan Hyatt;
- untuk menguruskan dan melindungi harta benda Hyatt dan harta benda tetamu Hyatt dan pelawat lain; dan
- untuk tujuan jaminan kualiti, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai.

Kami juga mungkin menggunakan program “Pembeli-belah Rahsia” atau “Tetamu Misteri” untuk mengawasi kualiti perkhidmatan pelanggan kami.

Kami mungkin mengawasi penggunaan dan komunikasi Internet mengikut undang-undang terpakai dan **Dasar Penggunaan Boleh Diterima Hyatt** dan dasar lain yang mungkin menggantikan, meminda atau menambah kepada dasar itu dari semasa ke semasa.

Kami mungkin menyimpan maklumat peribadi pekerja selepas tamat khidmat pekerjaan mereka untuk sebarang aspek berkaitan tujuan yang dinyatakan di atas. Kami hanya akan menyimpan maklumat peribadi tersebut selagi diperlukan dan dalam semua kes tidak lebih daripada tempoh yang dibenarkan oleh **Dasar Pengurusan Rekod Hyatt** dan undang-undang yang terpakai.

## **5 Pendedahan Maklumat Peribadi anda**

### **5.1 Umum**

Untuk menjalankan tujuan yang digariskan di atas, maklumat anda akan didedahkan untuk tujuan yang dinyatakan di atas kepada kakitangan sumber manusia, pengurus yang bertanggungjawab, perunding, penasihat dan orang berkenaan lain di Lokasi Hyatt kami.

### **5.2 Ejen, Penyedia Perkhidmatan dan Pembekal Kami**

Seperti banyak perniagaan lain, kami mendapatkan khidmat sumber luar untuk pemprosesan fungsi dan/atau maklumat tertentu daripada pihak ketiga dari semasa ke semasa. Sila ambil perhatian bahawa apabila anda memohon jawatan dalam talian dengan kami, anda mungkin akan dipindahkan ke halaman pihak ketiga yang telah diberikan kontrak oleh Hyatt untuk memproses maklumat peribadi anda bagi pihak kami. Apabila kami mendapatkan khidmat sumber luar pihak ketiga untuk memproses maklumat peribadi anda atau memberi maklumat peribadi anda kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga, kami mewajibkan pihak ketiga tersebut untuk melindungi maklumat peribadi anda menurut terma dan syarat Dasar ini, dengan langkah keselamatan yang bersesuaian.

### **5.3 Pemindahan Perniagaan**

Dalam usaha mengembangkan perniagaan kami, kami mungkin membeli atau menjual hotel dan aset lain. Dalam transaksi tersebut, maklumat pekerja biasanya adalah satu daripada aset perniagaan yang dipindahkan dan kami mungkin memasukkan maklumat peribadi anda sebagai aset dalam sebarang pemindahan tersebut. Selain itu, sekiranya ada kemungkinan bahawa kami, atau sebahagian besar aset kami, diperoleh, maklumat pekerja mungkin adalah satu daripada aset yang dipindahkan.

### **5.4 Keperluan Undang-undang**

Kami berhak mendedahkan apa-apa maklumat peribadi yang kami miliki mengenai anda jika kami dipaksa untuk berbuat demikian oleh mahkamah atau diminta secara sah dari segi undang-undang untuk berbuat demikian oleh entiti kerajaan atau jika kami menentukan bahawa ia perlu atau wajar untuk mematuhi undang-undang atau untuk melindungi atau mempertahankan hak atau harta kami menurut undang-undang yang berkenaan. Kami juga berhak untuk mengekalkan maklumat peribadi yang dikumpulkan dan untuk memproses maklumat tersebut bagi mematuhi kaedah dan peraturan perakaunan dan cukai, dan sebarang undang-undang pengekelan rekod yang khusus.

## **6 Pemindahan Antarabangsa Maklumat Peribadi**

Seperti kebanyakan perniagaan antarabangsa lain, kami telah memusatkan aspek tertentu pemprosesan data dan pentadbiran sumber manusia kami menurut undang-undang yang terpakai untuk membolehkan kami menguruskan perniagaan kami dengan lebih baik. Pemusatan ini boleh mengakibatkan pemindahan maklumat peribadi dari satu negara ke negara yang lain. Contohnya, beberapa maklumat peribadi anda akan dipindahkan dan diproses di Amerika Syarikat jika anda bekerja atau menjadi calon untuk diambil bekerja: (a) oleh mana-mana sekutu Hyatt yang terletak di luar Amerika Syarikat; atau (b) sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Ketua Jabatan atau pekerja penting lain untuk mana-mana entiti kami atau perniagaan hospitaliti bersekutu kami yang terletak di luar Amerika Syarikat.

Jika anda sedang dipertimbangkan untuk jawatan dengan Lokasi Hyatt di negara lain, sesetengah maklumat peribadi mengenai anda akan dipindahkan ke negara di mana jawatan terbuka itu terletak. Dengan persetujuan anda, maklumat peribadi mengenai anda boleh juga dipindahkan kepada pengurus dan/atau kakitangan sumber manusia sekutu Hyatt di lokasi lain menurut undang-undang terpakai untuk membolehkan mereka menghubungi anda mengenai permohonan untuk jawatan yang berbeza. Bidang kuasa yang bakal menerima maklumat yang akan dipindahkan mungkin atau mungkin tidak mempunyai undang-undang yang berusaha untuk memelihara privasi maklumat peribadi.

Walau bagaimanapun, apabila maklumat peribadi anda dipindahkan dalam Hyatt, maklumat peribadi anda akan diproses mengikut peraturan korporat mengikat Hyatt (lihat Bahagian 10 di bawah untuk butiran lanjut), terma dan syarat Dasar ini dan undang-undang yang terpakai. Satu senarai Lokasi Hyatt yang mana maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan, dan bidang kuasa yang mana entiti tersebut terletak, boleh diperolehi dengan memilih “Semua” di: <https://www.hyatt.com/explore-hotels>.

Selain itu, sesetengah pembekal pihak ketiga yang menerima pemindahan maklumat peribadi anda mungkin terletak di lokasi berlainan, yang sesetengahnya mungkin mempunyai perlindungan data berstandard rendah berbanding negara asal anda. Apabila kami memindahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga, kami memastikan keselamatan yang bersesuaian diguna pakai, dan mewajibkan pihak ketiga tersebut untuk melindungi maklumat peribadi anda mengikut terma dan syarat Dasar ini, dengan langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian. Amnya, pihak ketiga ini terbahagi kepada dua kumpulan: (i) pembekal bekalan setempat yang menyokong Lokasi Hyatt secara individu atau Lokasi Hyatt secara berkumpulan, yang boleh beroperasi di mana-mana negara Lokasi Hyatt beroperasi; atau (ii) pembekal perkhidmatan terkumpul secara berpusat, menyokong Hyatt secara menyeluruh, yang mungkin terletak di lokasi perniagaan utama kami, khususnya di Amerika Syarikat (lokasi ibu pejabat kami), Switzerland dan Hong Kong.

## **7 Mengemas Kini atau Mengakses Maklumat Peribadi Anda**

Dengan beberapa pengecualian yang terhad, anda boleh bertanya tentang maklumat peribadi yang kami kekalkan mengenai anda dengan menghantar permintaan bertulis melalui surat atau e-mel kepada kami di alamat yang dinyatakan dalam Bahagian 10 di bawah. Sila pastikan bahawa anda telah memasukkan nama penuh anda, jawatan terkini (atau terakhir) dan tempat kerja anda dengan Hyatt dan satu salinan dokumen yang membuktikan pengenalan diri anda (seperti kad ID atau pasport) supaya kami boleh mengenal pasti identiti anda dan maklumat peribadi yang kami kekalkan mengenai anda. Kami mungkin tidak mendedahkan data yang anda tidak layak untuk terima di bawah undang-undang terpakai (*cth.*, data yang mendedahkan maklumat tentang individu lain). Apabila anda membuat lebih daripada satu permintaan berturut-turut, kami akan memberi maklum balas kepada permintaan yang berikutnya dengan merujuk kepada maklum balas awal kami dan hanya mengenal pasti sebarang perkara yang mempunyai perubahan signifikan.

Anda boleh meminta kami untuk membetulkan, memadamkan dan/atau menghentikan atau mengehentikan pemprosesan atau penggunaan maklumat peribadi yang kami simpan tentang anda dengan menghantar surat atau e-mel ke alamat yang dinyatakan dalam Bahagian 10 di bawah. Jika kami bersetuju bahawa maklumat tersebut tidak betul atau pemprosesan harus dihentikan, kami akan menghapuskan atau membetulkan maklumat tersebut. Jika kami tidak bersetuju bahawa maklumat itu tidak betul, kami akan memberitahu

anda bahawa kami tidak bersetuju dan merekodkan fakta bahawa anda menganggap maklumat ini sebagai tidak betul dalam fail berkaitan.

Akhir sekali, dalam keadaan tertentu anda boleh membantah pemprosesan maklumat peribadi anda atas dasar situasi tertentu yang anda alami. Anda boleh berbuat demikian dengan menghantar permintaan bertulis melalui surat atau e-mel kepada kami di alamat yang dinyatakan dalam Bahagian 10 di bawah. Jika kami bersetuju bahawa anda layak untuk membantah, kami akan menghentikan pemprosesan maklumat peribadi anda.

## **8 Melindungi Maklumat Peribadi Anda**

Maklumat peribadi yang kami kumpulkan daripada anda disimpan oleh kami dan/atau penyedia perkhidmatan kami dalam pangkalan data yang dilindungi oleh gabungan kawalan akses fizikal dan elektronik, teknologi tembok api dan langkah keselamatan munasabah yang lain. Namun begitu, langkah keselamatan tersebut tidak dapat mencegah semua kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan maklumat peribadi dan kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau liabiliti berkaitan dengan insiden tersebut setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang. Sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang, kami akan memaklumkan kepada anda tentang sebarang kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan maklumat peribadi yang mungkin menjejaskan anda, supaya anda boleh mengambil tindakan yang bersesuaian untuk melindungi hak anda.

## **9 Perubahan kepada Dasar ini**

Sama seperti perniagaan kami yang sering berubah, Dasar ini boleh juga berubah. Untuk membantu anda, Dasar ini mempunyai tarikh kuat kuasa yang dinyatakan pada akhir dokumen ini.

## **10 Permintaan untuk Mengakses Maklumat Peribadi/Soalan atau Aduan**

Jika anda mempunyai apa-apa soalan mengenai Dasar ini, mengenai pemprosesan atau maklumat peribadi anda yang diterangkan di sini, atau mempunyai sebarang kekhawatiran atau aduan mengenai pentadbiran Dasar ini, atau jika anda ingin menyerahkan permintaan (dengan cara yang dijelaskan dalam Bahagian 7 di atas) untuk menggunakan hak anda berkaitan dengan maklumat peribadi yang kami kekalkan mengenai anda, sila hubungi kami melalui mana-mana cara yang berikut:

- untuk pekerja semasa, dengan menghubungi pengurus yang bertanggungjawab atau pengurus sumber manusia anda; dan
- untuk pemohon dan bekas pekerja, dengan menghubungi Ketua Pegawai Privasi Hyatt di [privacy@hyatt.com](mailto:privacy@hyatt.com).

Untuk aduan, pekerja boleh memilih untuk mengajukan peningkatan selanjutnya kepada Pengurus Besar Hotel berkenaan dan akhirnya, kepada Ketua Pegawai Privasi Hyatt dengan menghantar e-mel kepada [privacy@hyatt.com](mailto:privacy@hyatt.com).

Manakala Dasar ini secara sendirinya tidak mewujudkan hak kontraktual, Hyatt telah memastikan pematuhan beberapa kewajipan undang-undangannya di beberapa negara berhubung dengan maklumat peribadi dengan mencipta satu set piawaian dan dasar mengikat (dikenali di beberapa negara sebagai peraturan korporat mengikat), yang diluluskan oleh beberapa pengawal atur privasi negara. Hasilnya, bergantung pada keadaan



dan lokasi anda, anda mungkin dapat menguatkuasakan hak privasi anda dengan menggunakan piawaian dan dasar tersebut melalui pengawal atur itu atau mahkamah. Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang piawaian dan dasar ini, sila hubungi Ketua Pegawai Privasi Hyatt dengan menghantar e-mel kepada [privacy@hyatt.com](mailto:privacy@hyatt.com).

Semua permintaan untuk mengakses maklumat peribadi anda mesti diserahkan secara bertulis melalui surat atau e-mel. Kami mungkin membalas permintaan anda melalui surat, e-mel atau sebarang kaedah lain yang sesuai.

Tarikh Berkuat Kuasa: Mei 2018

Sekiranya terdapat butiran yang tidak konsisten antara Dasar ini dalam versi bahasa Inggeris dan sebarang versi Dasar ini dalam mana-mana bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah dipakai (setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang yang terpakai).